

Ucapkan Selamat Tinggal Pada Jerawat Dengan Penjagaan Dalaman & Luaran!

Kami sering menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan dalam kehidupan, pembelajaran dan pekerjaan pada zaman kini. Jika tidak berhati-hati dalam penjagaan badan ia boleh menjadi punca kemerosotan kesihatan. Kebanyakan orang menganggap jerawat pada muka hanya akan menjejaskan kecantikan luaran, tetapi mereka lupa bahawa jerawat muncul pada muka sebenarnya mencerminkan kesihatan dalaman di mana ia memberikan amaran kepada kita.

Jerawat (akne) atau dikenali sebagai akne vulgaris adalah keradangan kulit yang disebabkan oleh jangkitan bakteria pada folikel dan kelenjar sebum. Penyebab utama pertumbuhan jerawat boleh dibahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan luaran.



Fiona Ho

Pengurus Kanan Kecantikan
K-LINK International
Perunding Kecantikan,
Jurusolek Profesional &
Jururias Tangan dan Kuku

Faktor Dalaman

1. Kelebihan rembesan hormon androgen. Ia biasa berlaku pada usia remaja, hormon androgen merangsangkan peningkatan rembesan kelenjar sebaceous dan keratosis pilaris yang akan menyumbat liang roma pada permukaan kulit seterusnya menyebabkan keradangan dan pertumbuhan jerawat.
2. Disfungsi pelbagai organ-organ badan pada perut, ginjal dan hati, masalah sembelit juga akan mengakibatkan jerawat terbentuk.
3. Kitaran haid wanita. Sesetengah wanita akan ditumbuhi jerawat sebelum kedatangan haid disebabkan perubahan hormon.
4. Pengambilan makanan berminyak, makanan pedas dan masam yang berlebihan.
5. Tekanan, keletihan dan kurang tidur.

Faktor-faktor yang dinyatakan di atas biasanya akan menyebabkan nilai pH kulit berubah, sebum tersumbat dan bakteria menjadi aktif pada kulit. Sisa-sisa yang tidak dapat dikeluarkan bukan saja mengakibatkan keradangan malah menimbulkan tanda-tanda kemerahan, bengkak dan sakit. Jika anda ingin menghilangkan muka berjerawat, maka anda perlu menjaga muka secara dalaman dan luaran supaya dapat memulihkan kulit cerah berseri.



AyuLax

AyuLax adalah gabungan herba yang bertindak dengan membersihkan usus dan membantu melegakan sembelit. Ia membantu dalam menyingkirkan dan membersihkan unsur-unsur yang tidak perlu.

K.K.L.I.U 0445/2017
Ini iklan produk tradisional

Faktor Luaran

1. Pembersihan muka yang tidak betul akan menyumbat liang roma pada kulit dan jangkitan bakteria.
2. Cara menekan jerawat yang tidak betul boleh mengakibatkan jangkitan bakteria.
3. Sinaran UV dan bahan-bahan kimia.
4. Penggunaan bahan kosmetik yang berkualiti rendah.



Salomé Hydrating Facial & Body Mud Mask

Masker yang membersihkan dan menenangkan ini menanggalkan kekotoran agar kulit kelihatan segar berseri.

- Membersih secara mendalam, melembapkan dan menenangkan kulit
- Menggilap kulit dan mengoptimumkan proses regenerasi kulit dengan menanggalkan sel kulit mati
- Menyahtoksik dengan segera dan mencergaskan kulit kusam